

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 2 MAC 2026, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 6

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1551-L16175
Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **PERDANA MENTERI** menyatakan strategi Kerajaan dalam menguatkan tadbir urus domestik, ketelusan dan akauntabiliti dalam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), memandangkan DBKL mempunyai belanjawan tahunan melebihi RM2.8 bilion yang lebih besar daripada kebanyakan Kerajaan Negeri.

2. PN-1551-L15820
Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan :-
 - (a) apakah manfaat ekonomi sebenar ekopelancongan kepada komuniti luar bandar di Sarawak, serta apakah mekanisme yang dilaksanakan bagi memastikan hasilnya dinikmati oleh penduduk tempatan; dan

 - (b) apakah program yang disediakan oleh Kerajaan yang memerlukan penglibatan aktif penduduk luar bandar.

3. PN-1551-L16100
Senator Dr. Jufitri bin Joha minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah yang telah diambil oleh Kerajaan, sama ada untuk menghentikan sementara rancangan realiti agama atau mengetatkan garis panduan program realiti agama, berikutan penglibatan segelintir bekas peserta dalam aktiviti yang merosakkan imej agama Islam.

4. PN-1551-L16179
Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan langkah terkini yang diambil oleh Kementerian bagi menstabilkan harga komoditi utama negara khususnya kelapa sawit dan getah bagi memastikan pendapatan pekebun kecil tidak terjejas akibat turun naik harga pasaran global.

5. PN-1551-L16079
Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan strategi Kementerian dalam menyokong peralihan ekonomi luar bandar daripada aktiviti berpendapatan rendah kepada aktiviti berimpak dan bernilai tinggi serta sejauh manakah agenda penyertaan, pemilikan dan penguasaan ekonomi wanita luar bandar diintegrasikan dalam strategi tersebut.

6. PN-1551-L16090
Senator Dato' Wu Him Ven minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan :-
 - (a) status terkini dan pencapaian Kementerian dalam melaksanakan Fasa 1 Strategi Semikonduktor Nasional (NSS) setakat Januari 2026 dan sejauh manakah NSS telah mengintegrasikan pembangunan NS Semiconductor Valley (NSSV) di dalam koridor Malaysia Vision Valley 2.0 (MVV 2.0); dan

 - (b) sokongan kewangan yang disediakan kepada pemain industri semikonduktor di bawah Strategi Semikonduktor Nasional (NSS) dan Belanjawan 2026 serta senarai infrastruktur fizikal dan utiliti yang telah dan sedang dibangunkan untuk menyokong ekosistem ini, termasuk status taman perindustrian khusus, serta inisiatif bekalan tenaga hijau bagi memenuhi kriteria *Environment, Social and Governance* (ESG) pelabur global.

7. PN-1551-L16405
Senator Datuk Nelson W Angang minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik terkini kes rasuah yang melibatkan pegawai kanan Kerajaan serta jumlah nilai rampasan dan apakah perancangan Kementerian bagi memastikan proses tadbir urus agensi terlibat terus berjalan dengan baik khususnya apabila melibatkan aspek keselamatan negara.

8. PN-1551-L15714
Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah inisiatif diplomatik yang khusus serta tekanan yang sedang diketuai atau dicadangkan oleh Kementerian dalam ASEAN dan dengan Kerajaan Myanmar bagi mewujudkan penyelesaian yang mampan, termasuk repatriasi selamat dan pengesahan kerakyatan tulen, dalam menangani krisis Rohingya.
9. PN-1551-L15903
Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah inisiatif khusus Kementerian dalam memperkasa penglibatan masyarakat Orang Asli dalam sektor pertanian, penternakan dan perikanan sebagai sumber pendapatan yang mampan.
10. PN-1551-L16186
Senator Datuk Dr. Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan jumlah unjuran rekod Bahan Sisa Terjadual Komponen Elektronik (*electronic scheduled waste*) di Malaysia dan bagaimanakah langkah menangani isu kemasukan sisa elektronik (e-waste) haram dari luar negara secara sifar toleransi dilaksanakan dengan mengamalkan tahap integriti yang tinggi.
11. PN-1551-L15873
Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menyeragamkan caj perkhidmatan perubatan di semua klinik dan hospital swasta bagi meringankan beban rakyat.
12. PN-1551-L15654
Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan dasar yang dilaksanakan oleh Kementerian terhadap usaha melonjakkan *ranking* (kedudukan) yang membabitkan universiti-universiti di Malaysia di peringkat global yang menggunakan kriteria pelarasan antarabangsa.
13. PN-1551-L15628
Senator Tuan Isaiah a/l D.Jacob minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah inisiatif atau langkah khusus yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian bagi memastikan kemudahan aksesibiliti serta keselesaan golongan Orang Kurang Upaya (OKU) di hospital kerajaan di seluruh negara.

14. PN-1551-L15542

Senator Tuan Niran Tan Kran minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan berapakah jumlah pelajar daripada masyarakat Bumiputera Siam yang telah mendapat manfaat daripada Program Tuisyen KAMI sejak dilancarkan pada tahun 2023 dan apakah langkah-langkah yang diambil bagi membantu pelajar daripada masyarakat Bumiputera Siam mendapatkan pendidikan tambahan serta pendidikan yang berkualiti.

15. PN-1551-L16426

Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah dasar nasional untuk memastikan graduan Malaysia bersedia menghadapi ekonomi berasaskan kecerdasan buatan *Artificial Intelligence* (AI) termasuk pelaburan dalam kurikulum teknologi, latihan pensyarah dan kerjasama industri bagi memastikan graduan tidak terperangkap dalam pasaran kerja berkemahiran rendah.

16. PN-1551-L15882

Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh manakah Kementerian merancang untuk melaksanakan konsep bandar span bagi mengatasi masalah banjir kilat dan apakah strategi yang diguna pakai untuk menyelaraskan tindakan agensi-agensi Kerajaan lain dalam pelaksanaan inisiatif ini.

17. PN-1551-L15777

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan langkah-langkah yang telah dilaksanakan bagi menyokong kerjasama strategik awam-swasta serta memastikan penyelarasan lebih baik antara agensi Persekutuan dan Negeri dalam mengekalkan pertumbuhan sektor pelancongan.

18. PN-1551-L16254

Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah sasaran jualan bagi MAHA 2026 berbanding MAHA 2024 dan apakah langkah Kementerian untuk memastikan lebih banyak perjanjian dapat dicapai sempena MAHA bagi memberi manfaat kepada penggiat pertanian, penternak dan nelayan.

19. PN-1551-L16147

Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah langkah penambahbaikan dalam kawal selia dan penguatkuasaan yang sedang dilaksanakan bagi memastikan Malaysia tidak lagi menjadi destinasi pembuangan sisa elektronik dari luar negara, serta bagaimanakah Kementerian memperkukuh integriti sistem kelulusan, pemantauan import dan tindakan terhadap sindiket yang terlibat.

20. PN-1551-L15836

Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah kos penyelenggaraan kiosk digital bagi MyDigital ID, MyBorderPass dan MyNISe di semua pintu masuk negara khususnya di lapangan terbang.

21. PN-1551-L16199

Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan jumlah peruntukan Kerajaan Persekutuan kepada pekebun kecil getah di Sarawak bagi tahun 2024 dan 2025 serta apakah perancangan Kerajaan bagi tahun 2026 untuk meningkatkan pendapatan dan produktiviti pekebun kecil.

22. PN-1551-L16325

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah pemantauan dan langkah tegas diambil terhadap penyebaran doktrin gerakan kultus dari Korea Selatan yang dilaporkan turut melibatkan tokoh tempatan dan ahli politik.

23. PN-1551-L15785

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan rancangan Kerajaan untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Selangor dalam membangunkan sistem penternakan babi moden yang berpusat dan lestari alam sekitar bagi memastikan bekalan daging babi domestik mencukupi untuk Lembah Klang sekaligus mengurangkan kebergantungan kepada import.

24. PN-1551-L16239

Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan dan kesediaan terkini Kerajaan untuk membentangkan Akta Pendanaan Politik di Parlimen.

25. PN-1551-L15752
Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi membantu rumah ibadat bukan Islam dalam tempoh dua tahun terakhir, termasuk pecahan agihan mengikut negeri serta apakah mekanisme pemantauan bagi memastikan dana tidak disalahguna dan tidak berlaku ketidaksamaan dalam agihan.
26. PN-1551-L16048
Senator Puan Saraswathy a/p Kandasami minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian menyedari peralihan dalam program pendidikan tinggi di peringkat global yang kini menekankan modul berasaskan industri dan bukan akademik semata-mata serta apakah langkah yang akan diambil untuk mengekalkan prestij kursus sambil memastikan keseimbangan antara modul akademik dan industri bagi memenuhi keperluan pasaran kerja.
27. PN-1551-L15987
Senator Dato' Leong Ngah Ngah minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah langkah Kerajaan bagi membantu dan memastikan kelangsungan industri pertanian, khususnya sektor penternakan babi, dapat dijamin untuk jangka panjang, memandangkan para penternak sering terpinggir dan tidak diberikan pengiktirafan terhadap tapak operasi mereka.
28. PN-1551-L16351
Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status terkini isu kesesakan penjara dan pusat tahanan serta langkah reformasi yang sedang diambil.
29. PN-1551-L15675
Senator Tuan Isaiah a/l D.Jacob minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
- (a) berapakah jumlah bangunan yang telah dikenakan tindakan penguatkuasaan kerana gagal mematuhi standard kemudahan asas bagi Orang Kurang Upaya (OKU) sehingga 31 Januari 2026 berdasarkan Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685); dan
 - (b) apakah bentuk tindakan atau langkah penguatkuasaan yang telah diambil terhadap bangunan-bangunan yang ingkar tersebut.

30. PN-1551-L16424

Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai data statistik mengenai peningkatan penyakit pernafasan dalam kalangan penduduk bandar sejak penggunaan mesin peniup daun diperluaskan, serta apakah korelasi yang dikenal pasti antara pendedahan kepada habuk terampai dengan kes asma, Chronic Obstructive Pulmonary Disease (COPD) dan jangkitan paru-paru.

31. PN-1551-L16174

Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan status terkini Perjanjian Perdagangan Timbal Balik (ART) dengan Amerika Syarikat serta impak serta merta, jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang perjanjian tersebut terhadap ekonomi negara.

32. PN-1551-L15602

Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan bagaimanakah Kementerian merancang untuk membangunkan konsep Desa Pintar di kawasan pedalaman menjelang tahun 2026 termasuk pengintegrasian teknologi digital, e-dagang, telekesihatan dan pendidikan jarak jauh bagi memastikan komuniti desa tidak ketinggalan dalam transformasi ekonomi digital negara.

33. PN-1551-L15731

Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan statistik terkini kemasukan pelancong asing serta pelancong tempatan bersempena Tahun Melawat Malaysia 2026 bagi tempoh 1 Januari 2026 hingga 31 Januari 2026.

34. PN-1551-L16096

Senator Dato' Wu Him Ven minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) statistik tangkapan dan pengusiran warga asing yang menyalahgunakan Program Liberalisasi Visa (Tanpa Visa 30 Hari) untuk tujuan bekerja secara haram bagi tempoh 2023 sehingga Januari 2026, dengan pecahan khusus bagi Negeri Sembilan; dan
- (b) keberkesanan sistem Malaysia Digital Arrival Card (MDAC) dalam mengesan trend *Visa Run* dan apakah langkah ketat yang diambil di pintu masuk negara (KLIA/ICQS) untuk menyaring pelawat yang mencurigakan tanpa menjejaskan sasaran ketibaan pelancong.

35. PN-1551-L16344
Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana Kementerian memastikan pendekatan dakwah secara 'Rahmah' diterjemahkan dalam penguatkuasaan agama tanpa menjejaskan keharmonian masyarakat majmuk.
36. PN-1551-L15931
Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan perancangan Kerajaan untuk merangka mekanisme pasaran khusus bagi mengkomersialkan produk biojisim sawit serta memperkukuh rantaian nilai dalam industri tersebut.
37. PN-1551-L15672
Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi memastikan kawasan perumahan baharu menyediakan ruang yang sesuai dan kemudahan yang mencukupi untuk tujuan persekolahan anak-anak penduduk di kawasan kejiranan tersebut.
38. PN-1551-L16132
Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah pendirian dan penglibatan Malaysia dalam inisiatif *Board of Peace* yang turut disertai beberapa negara ASEAN seperti Indonesia, Kemboja dan Vietnam serta sejauh manakah penyertaan ini selaras dengan prinsip dasar luar Malaysia yang berteraskan keamanan, kedaulatan negara dan pendekatan berkecuali.
39. PN-1551-L15574
Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan melalui Perkara 7.3 Perjanjian Timbal Balik Malaysia-Amerika Syarikat (ART 2025) telah memulakan rundingan bagi memperhalusi perkara yang tidak memihak kepada Malaysia setakat Februari tahun 2026.
40. PN-1551-L16154
Senator Datuk Dr. Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan langkah yang lebih berkesan bagi memastikan syarikat yang dilesenkan sebagai pengendali umrah dan ziarah tidak lagi terlibat dalam kes penipuan serta manipulasi pakej umrah dan seterusnya memastikan sifar kes menjelang tahun 2026.

41. PN-1551-L15977

Senator Datuk Edward Linggu Bukut minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :-

- (a) apakah garis masa pembukaan program Sarjana Muda Undang-Undang (LLB), status akreditasi Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), serta syarat yang dipersetujui bersama Badan Peguam dan Peguam Syarie bagi memastikan graduan layak menjalani latihan profesional tanpa halangan, susulan penubuhan Fakulti Undang-Undang Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada November 2025 dan peningkatan moratorium program undang-undang di Sabah dan Sarawak; dan
- (b) apakah langkah Kementerian dalam memastikan graduan program Sarjana Muda Undang-Undang (LLB) Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus layak memasuki latihan profesional seperti Sijil Amalan Guaman (CLP) atau latihan amalan peguam syarie, termasuk pengiktirafan sijil sementara serta pelaksanaan prosedur pentadbiran tanpa kelewatan birokrasi.

42. PN-1551-L15819

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan bagaimanakah pengurusan hutan dan sumber asli dilaksanakan dengan penglibatan komuniti luar bandar, tanpa menjejaskan kelestarian alam dan hak mereka untuk menyara hidup.

43. PN-1551-L15764

Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil bagi memastikan dasar-dasar utama negara seperti penyertaan Bumiputera dalam industri termasuklah dasar pembangunan industri tempatan tidak terjejas oleh komitmen tarif dan perdagangan yang telah dipersetujui dalam Perjanjian Timbal Balas antara Malaysia dan Amerika Syarikat.

44. PN-1551-L15936

Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan keberkesanan sistem e-Penghulu dalam memantau peruntukan dan pelaksanaan program luar bandar serta penambahbaikan yang dirancang bagi sistem tersebut.

45. PN-1551-L16212

Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah tegas Kerajaan dalam menangani masalah penagihan vape yang semakin serius dalam kalangan remaja khususnya seawal usia murid sekolah rendah dan yang lebih membimbangkan apabila ia turut mengandungi unsur dadah.

46. PN-1551-L15699

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan langkah yang diambil oleh Kementerian bagi mewujudkan pusat kegiatan bersepadu yang menumpukan kepada seni dan budaya masyarakat daripada pelbagai lapisan dan golongan dengan mengambil contoh konsep Taman Ismail Marzuki di Indonesia yang berjaya menjadi pusat kegiatan penulis serta karyawan seni dan budaya sepanjang masa.

47. PN-1551-L16301

Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini agenda reformasi institusi perundangan khususnya dalam mempercepatkan penyelesaian kes tertunggak dan memperluas akses kepada keadilan bagi rakyat berpendapatan rendah.

48. PN-1551-L15728

Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam memperkukuhkan sistem pendidikan tinggi negara melalui penstrukturan semula Kolej Tingkatan Enam dan Matrikulasi di bawah kelolaan Kementerian Pengajian Tinggi.

49. PN-1551-L16305

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :-

- (a) peratusan Kadar Sara Diri (SSR) beras negara secara tahunan bagi tempoh tahun 2021 hingga tahun 2025; dan
- (b) sejauh manakah keberkesanan program penanaman padi lima musim dalam tempoh dua tahun dapat menjamin pencapaian sasaran Kadar Sara Diri (SSR) sebanyak 80 peratus menjelang tahun 2030 selaras dengan Dasar Agromakanan Negara 2.0.

50. PN-1551-L15709

Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan rancangan konkrit Kementerian untuk mengukuhkan integrasi saringan dan intervensi pemakanan dalam sistem penjagaan kesihatan primer, khususnya di Klinik Kesihatan termasuk menjadikan malnutrisi sebagai tanda vital wajib serta menyediakan laluan rujukan yang jelas kepada pakar diet dan program sokongan.

51. PN-1551-L15638

Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah jumlah CCTV yang dipasang di seluruh negara bagi tujuan keselamatan awam dan sejauh manakah keberkesanan penggunaan CCTV serta rondaan keselamatan dalam mencegah jenayah seperti ragut, gangguan seksual dan penculikan di kawasan berisiko tinggi.

52. PN-1551-L15543

Senator Tuan Niran Tan Kran minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah inisiatif jangka panjang Kementerian bagi menangani ancaman keselamatan di taman perumahan akibat populasi monyet yang semakin meningkat dengan cepat.

53. PN-1551-L16206

Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah pelan penyelesaian Kerajaan bagi menangani masalah kebergantungan Malaysia kepada makanan import, susulan defisit perdagangan makanan yang berterusan selama lebih tiga dekad sehingga menimbulkan kebimbangan terhadap daya tahan bekalan domestik.

54. PN-1551-L15689

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian bersedia untuk mempertimbangkan pengenalan satu kursus wajib di Institusi Pendidikan Tinggi yang memadukan Bahasa Melayu Tinggi, kemahiran komunikasi serta penulisan sebagai langkah bagi memastikan tahap keterampilan yang tinggi dalam kalangan pelajar dan graduan institusi pengajian tinggi, seterusnya melahirkan sarjana serta profesional yang ekspresif dan kreatif.

55. PN-1551-L16300

Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah gambaran Malaysia yang ingin dibina oleh Kerajaan dalam tempoh 10 tahun akan datang khususnya dari segi kualiti hidup rakyat dan apakah tiga reformasi paling sukar tetapi paling penting yang perlu dilaksanakan bagi mencapainya.

56. PN-1551-L16371

Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah tahanan di bawah Seksyen 97(1) Akta Kanak-Kanak 2001 bagi tempoh 20 tahun yang lalu dan berapakah jumlah tahanan yang telah dibebaskan dalam tempoh tersebut.

57. PN-1551-L15851

Senator Tuan Shahrol Wizan bin Sulong minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian Kesihatan Malaysia bersedia untuk mewujudkan semula peluang pekerjaan petugas kesihatan komuniti dalam kalangan Orang Asli bagi membantu pemantauan dan pencegahan penyakit seperti malaria dan denggi di penempatan Orang Asli selaras dengan usaha memperkukuh perkhidmatan kesihatan awam di kawasan pedalaman.

58. PN-1551-L16071

Senator Dato' Wu Him Ven minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :-

- (a) status terkini peratusan ladang khinzir yang telah berjaya beralih kepada Sistem Penternakan Moden (MPF) berasaskan sistem reban tertutup (*Closed House System*) dan sifar pelepasan (*Zero Discharge*) di seluruh negara; dan
- (b) adakah Kementerian bersedia menyemak semula garis panduan MPF agar lebih fleksibel dan praktikal untuk dilaksanakan oleh penternak berskala sederhana tanpa menjejaskan aspek biosekuriti, memandangkan kos pelaburan yang sangat tinggi.

59. PN-1551-L16267

Senator Dr. Lingeswaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah strategi Kementerian bagi menarik pelancong berpendapatan tinggi (*high-net-worth*) atau meningkatkan perbelanjaan pelancong semasa melancong di negara ini sempena Tahun Melawat Malaysia 2026.

60. PN-1551-L16332

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan pendirian Kerajaan berhubung cadangan semakan semula dasar kemasukan ke Universiti Awam (UA) yang membolehkan pelajar sekolah swasta atau sekolah bukan Kerajaan hanya menduduki subjek Bahasa Melayu dan Sejarah dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sebagai syarat minimum kelayakan kemasukan.

61. PN-1551-L16023

Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan pendekatan baharu Kementerian dalam menangani isu pendatang asing tanpa izin secara bersepadu tanpa menjejaskan keperluan tenaga kerja sektor ekonomi dan pembuatan.

62. PN-1551-L15956

Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah segera yang diambil oleh Kerajaan bagi menangani isu kesesakan hospital Kerajaan serta kekurangan petugas kesihatan.

63. PN-1551-L16221

Senator Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah usaha Kerajaan bagi membantu petani kecil di seluruh negara dalam penggunaan teknologi pertanian terkini, termasuk alatan pertanian, mesin yang bersesuaian serta kaedah pertanian moden selaras dengan kemajuan semasa.

64. PN-1551-L16054

Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah terdapat dalam rancangan Kerajaan dalam jangka masa terdekat untuk membina atau membaik pulih secara menyeluruh sebahagian ibu pejabat polis, sama ada Ibu Pejabat Daerah (IPD) atau Ibu Pejabat Kontinjen (IPK), di seluruh negara yang kebanyakannya berada pada tahap uzur, malah ada yang telah disahkan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) sebagai tidak selamat untuk diduduki.

65. PN-1551-L16103

Senator Dr. Jufitri bin Joha minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah perancangan Kerajaan untuk membawa semula tapak Hospital USIM dari Kota Tinggi, Johor ke Nilai, Negeri Sembilan.

66. PN-1551-L16051
Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan berhubung cadangan Menteri Wilayah Persekutuan seperti yang dilaporkan untuk mengadakan pilihan raya Datuk Bandar Kuala Lumpur atas alasan bahawa Datuk Bandar lantikan Kerajaan kurang berupaya melaksanakan fungsi semak dan imbang dan adakah cadangan ini merupakan langkah awal untuk menghidupkan semula hasrat mengadakan pilihan raya kerajaan tempatan.
67. PN-1551-L15640
Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah rakyat di kawasan bandar yang masih tidak memiliki pengenalan diri dan apakah faktor utama yang menyumbang kepada masalah ini.
68. PN-1551-L15961
Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan reformasi institusi bagi memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap sistem keadilan dan syariah.
69. PN-1551-L15564
Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah jumlah peruntukan khas bagi menaik taraf wad-wad di hospital daerah khususnya di Hospital Saratok yang telah diluluskan di bawah Belanjawan 2026.
70. PN-1551-L16002
Senator Puan Noorita binti Sual minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah kelemahan utama sistem pengurusan sisa pepejal negara dan apakah langkah sasaran jangka pendek dan panjang Kementerian termasuk pelaksanaan teknologi *waste-to-energy* bagi mengurangkan kebergantungan kepada tapak pelupusan.
71. PN-1551-L16027
Senator Puan Saraswathy a/p Kandasami minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
(a) apakah langkah tahunan yang dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi kawalan tikus, termasuk di bangunan komersial, pejabat dan premis perniagaan yang sering mengalami kerosakan akibat tikus, memandangkan cukai taksiran DBKL dibayar oleh pemilik hartanah bagi pelbagai tujuan termasuk kawalan tikus, serta berapakah jumlah peruntukan yang digunakan setiap tahun; dan

- (b) apakah jenis aktiviti kawalan tikus yang dilaksanakan, bilangan premis yang dikawal, serta hasil pengurangan kes kerosakan dalam tempoh tiga tahun terakhir.
72. PN-1551-L16266
Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah jumlah calon simpanan Pegawai Farmasi kontrak yang masih belum ditawarkan jawatan tetap, memandangkan hampir 400 orang daripada pegawai kontrak tersebut bakal tamat tempoh perkhidmatan pada bulan April 2026.
73. PN-1551-L15841
Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan bersetuju bahawa sebarang pertikaian antara agensi Persekutuan atau Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dengan Kerajaan Negeri berkaitan bidang kuasa tanah dan sumber hendaklah diselesaikan melalui rundingan dasar serta pengharmonian undang-undang, dan bukannya berlarutan sehingga menjejaskan keyakinan pelabur serta hubungan Persekutuan dan Negeri.
74. PN-1551-L16024
Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
- (a) apakah mekanisme pemantauan untuk memastikan rumah mampu milik dibeli dan didiami oleh pembeli sasaran bukan pelabur ; dan
- (b) mengapa masih berlaku lebihan rumah tidak terjual dalam segmen tertentu sedangkan permintaan tinggi bagi rumah harga sederhana dan rendah.
75. PN-1551-L15723
Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Rang Undang-Undang Akta Pendanaan Politik akan dibentangkan di Parlimen memandangkan ia merupakan salah satu mekanisme perundangan yang berpotensi mengurangkan gejala rasuah dan penyalahgunaan kuasa dalam kalangan parti politik serta ahli politik di Malaysia.
76. PN-1551-L15907
Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah usaha-usaha yang diambil oleh Kementerian bagi meningkatkan kadar kemasukan pelajar Orang Asli ke institusi pendidikan tinggi awam dan swasta.

77. PN-1551-L15967

Senator Datuk Edward Linggu Bukut minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah strategi Kerajaan untuk menyediakan perumahan mampu milik yang berkualiti dan inklusif serta bagaimana perlindungan sosial disediakan kerana statistik menunjukkan terdapat pengurangan jumlah koloni setinggan di Sabah namun masih wujud komuniti yang hidup dalam keadaan tidak teratur.

78. PN-1551-L15855

Senator Tuan Shahrol Wizan bin Sulong minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk memperkasakan program dakwah berimpak tinggi dalam kalangan masyarakat Orang Asli Islam, termasuk penganjuran tilawah al-Quran peringkat kebangsaan serta penyediaan tajaan pengajian ke luar negara bagi pelajar Orang Asli Islam.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Senator Tuan Niran Tan Kran** akan mencadangkan :-

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Kelima, Parlimen Yang Kelima Belas.”

- **Menyambung semula Perbahasan atas masalah [26 Februari 2026]**

- | | | | |
|----|-----------------|--|-------------------------------|
| 2. | (D.R.44/2025) | Rang Undang-undang Perjanjian Penyelesaian Antarabangsa Yang Terhasil Daripada Pengantaraan 2025 | Bacaan Kali Yang Kedua |
|----|-----------------|--|-------------------------------|

[Jabatan Perdana Menteri]

- | | | | |
|----|----------------|--|-------------------------------|
| 3. | (D.R.1/2026) | Rang Undang-undang Rapid Transit System Link Johor Baru-Singapura 2026 | Bacaan Kali Yang Kedua |
|----|----------------|--|-------------------------------|

[Menteri Dalam Negeri]

- | | | | |
|----|-----------------|--|---------------------------------|
| 4. | *(D.R.4/2026) | Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2026 | Bacaan Kali Yang Pertama |
|----|-----------------|--|---------------------------------|

[Jabatan Perdana Menteri]

5. *(D.R.5/2026) Rang Undang-undang Perlembagaan **Bacaan Kali Yang Pertama**
(Pindaan) (No.2) 2026

[Jabatan Perdana Menteri]

6. (D.R.2/2026) Rang Undang-undang Pemberian Mengikut **Bacaan Kali Yang Kedua**
Bilangan Orang 2026

[Menteri Kewangan]

7. *(D.R.3/2026) Rang Undang-undang Kualiti Alam **Bacaan Kali Yang Pertama**
Sekeliling (Pindaan) 2026

[Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam]

8. *(D.R.6/2026) Rang Undang-undang Perbekalan **Bacaan Kali Yang Pertama**
Tambahan (2025) 2026

[Menteri Kewangan]

9. (D.R.33/2025) Rang Undang-undang Sistem Insurans **Bacaan Kali Yang Kedua**
Pekerjaan (Pindaan) 2025

[Menteri Sumber Manusia]

*Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dipertimbangkan pada semua Peringkat oleh Dewan Negara tertakluk kepada Rang Undang-undang tersebut diserahkan oleh Dewan Rakyat.

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2026</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
D.N.1/2026	Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Tatakelola, Integriti dan Antirasuah, Dewan Negara	2 Mac 2026